

**KESEPADUAN SOSIOBUDAYA DALAM KEPELBAGAIAN MASYARAKAT MAJMUK**, disunting oleh Norfaezah Mohd Hamidin dan Hasliza Talib. 2018. Penerbit Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: Selangor. Halaman 275. ISBN: 978-967-2122-22-7.

Buku ini adalah hasil suntingan Dr. Norfaezah Mohd Hamidin dan Ustazah Hasliza Talib dengan sokongan dan dokongan Dekan Pusat Pengajian Teras (PPT), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Buku ini terhasil daripada himpunan kertas kerja prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2016) yang telah diadakan pada 21 April 2016 bertempat di Pusat Konvensyen KUIS (KUIS). Semua pemakalah adalah terdiri daripada ahli akademik Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan Guru (IPG) serta individu perseorangan daripada pelbagai latarbelakang kepakaran. Ulasan buku ini diharapkan boleh membantu penyunting buku dan pemakalah artikel mendapatkan pandangan untuk memantapkan lagi hujah/dapatan yang sedia ada.

Buku “Kesepaduan Sosiobudaya Dalam Kepelbagaian Masyarakat Majmuk” adalah koleksi artikel yang menggabungkan aliran Pengajian Islam dengan sains, teknologi, sains sosial dan kemanusiaan. Pilihan artikel membahaskan konsep-konsep Pengajian Islam dan aplikasi konsep-konsep tersebut dalam kehidupan bermasyarakat dan menganalisa dan mengaplikasi dalam kehidupan dan memangkin pembangunan negara. Buku yang mengintegrasikan Pengajian Islam berdasar hujah *naqli* dan *aqli* berdasar sains dan teknologi, sains sosial dan kemanusiaan perlu diperbanyak. Dalam pasaran buku di Malaysia, apatah lagi di peringkat dunia, buku yang mampu mengintegrasikan pengajian Islam dengan kepelbagaian bidang disiplin dan aliran sangat dituntut. Paling penting adalah bilamana buku ini meletak asas, prinsip, hukum dan proses dalam menghasil perkhidmatan dan produk dalam membangun masyarakat, negara dan tamadun. Ini adalah satu langkah berdasarkan ilmu Islam untuk memindahkan agama dalam kehidupan manusia, masyarakat, negara dan tamadun.

Kesepaduan sosial merupakan elemen penting dalam memastikan sesebuah komuniti berada dalam keadaan aman dan harmoni. Ia merupakan prasyarat kepada keadaan yang stabil dan masyarakat tanpa konflik. Justeru, Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Perancis dan Australia telah meletakkan kesepaduan sosial sebagai satu polisi penting. Perbincangan berkaitan dengan kesepaduan sosial bukan merupakan sesuatu yang baharu. Malahan, Bapa Sosiologi seperti Emile Durkheim telah memperkatakan keadaan kesepaduan sosial dalam karya beliau melalui konsep kesepaduan mekanikal dan kesepaduan organik. Kemudian, diteruskan pula oleh tokoh-tokoh selepasnya seperti Ferdinand Tonnies, Robert Redfield, Hillery dan sebagainya. Di Malaysia, Shamsul Amri Baharuddin telah mengetengahkan konsep kesepaduan sosial yang diletakkan sebagai formula penting untuk menguruskan masyarakat majmuk. Konsep dan ciri-ciri kesepaduan mengikut pendapat Ibnu Khaldun melalui model perpaduan dalam kepelbagaian Ibn khaldun dalam konteks integrasi dan perpaduan masyarakat majmuk Malaysia (rosfazila binti abd Rahman & abdul razif bin zaini 2017) adalah kepercayaan kepada Allah, semangat dakwah, keadilan, akauntabiliti, penghormatan bersama, saling mempercayai, keikhlasan mutlak, rajin, kerjasama, kecemerlangan, rawatan persaudaraan, kejujuran dan kebenaran, moral, pengetahuan, tingkah laku yang baik, pengorbanan, kemas, dan kebersihan. Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibn

Khaldun pula mempunyai aspek-aspek seperti ukhwah, nubuwwah daawat al-haq, al-mulk, asabiyah dan ma'unah.

Konsep sosiobudaya pula ialah amalan yang berupa gaya hidup dan peradaban bagi sesuatu masyarakat, lahir dari pegangan dan kecenderungan diri masyarakat berkenaan dalam berbagai bidang hidup, untuk memberi kepuasan dan meransang pembangunan hidup masyarakat itu. Sosiobudaya adalah amalan yang berupa gaya hidup dan peradaban bagi sesuatu masyarakat yang lahir dari pegangan dan kecenderungan diri masyarakat berkenaan untuk pembangunan sosial kehidupan masyarakat berkenaan. Di Malaysia, kepelbagaian penduduk telah mewujudkan pelbagai budaya yang menjadi pegangan dan amalan hidup mereka. Kebudayaan kebangsaan di Malaysia adalah berasaskan kebudayaan orang-orang Melayu, orang Cina, orang India dan etnik-ethnik yang lain.

Kebudayaan orang Melayu mengutamakan nilai-nilai sopan santun, kesederhanaan, keindahan dan keharmonian hidup antara ahli-ahli keluarga, jiran tetangga dan masyarakat. Walaubagaimanapun kebudayaan di Malaysia melalui budaya Cina dan India sama seperti budaya yang diamalkan oleh orang Melayu. Oleh itu, kebudayaan yang diamalkan oleh penduduk di Malaysia adalah sama dan mereka saling hormat menghormati antara satu sama lain. Ianya dapat menunjukkan nilai-nilai yang positif dalam kalangan penduduk di Malaysia. Masyarakat majmuk menjadikan kebudayaan di negara ini lebih berwarna-warni apabila semua penduduk yang pelbagai etnik terlibat secara menyeluruh dalam semua aktiviti seperti kemerdekaan, perayaan, kesultanan dan sebagainya. Kepelbagaian aktiviti kebudayaan penduduk ini dapat dilihat secara langsung melalui sambutan perayaan samada perayaan untuk etnik Muslim, mahupun Hindu dan Budhha serta Kristian dan sebagainya. Kesemua etnik akan bergotong royong untuk menyambut perayaan tersebut. Setiap kali musim perayaan, aktiviti kunjung mengunjung ini akan dijalankan dari rumah ke rumah tanpa mengira etnik dan keturunan. Oleh itu, upacara rumah terbuka turut diadakan bagi memeriahkan suasana Hari Raya dan seterusnya dapat mengeratkan kesepadan sesama mereka. Walaubagaimanapun, terdapat masalah dalam sosio budaya penduduk terutama mengenai adat resam penduduk yang menjadi amalan mereka. Bagi etnik Melayu, adat resam sangat penting untuk diamalkan kerana ianya merupakan salah satu warisan keluarga. Tetapi, masyarakat pada hari ini telah melanggar pantang larang tersebut kerana mereka lebih suka mengikuti cara moden dan barat.

Kesimpulannya, Sosio budaya merupakan amalan yang sepatutnya perlu ada dalam setiap lapisan masyarakat. Hal ini kerana, pembangunan negara hari ini juga berlaku akibat daripada perubahan sosio budaya masyarakat. Oleh itu, sebagai masyarakat yang prihatin, kita hendaklah memandang tinggi kepada aspek peradaban sosio budaya.

Sehubungan dengan fokus kesepadan sosiobudaya dalam kepelbagaian masyarakat majmuk, suatu hal yang menarik perhatian ialah aspek kesepadan itu sendiri dalam konteks sosiobudaya masyarakat majmuk. Dalam erti kata yang lain mesej yang mahu disampaikan dalam penulisan buku ini ialah kesepadan sosiobudaya dalam masyarakat majmuk adalah sesuatu yang bukan mustahil malah ianya merupakan matlamat dan tujuan kewujudan masyarakat itu sendiri. Dalam konteks penulisan, ia boleh diambil sebagai cabaran kepada ahli masyarakat dalam bersama-sama memastikan kesepadan sosiobudaya itu terlaksana dalam suasana harmoni dan

kesejahteraan ummah sejagat dapat dicapai. Aspek-aspek serta bentuk-bentuk kesepaduan sosiobudaya yang dimaksudkan inilah yang dijadikan pokok perbincangan dalam enam bahagian buku ini misalnya Bahagian 1: Konsep Dalam Pembentukan Sosiobudaya Masyarakat, Bahagian 2 : Pembentukan Sosiobudaya Masyarakat, Bahagian 3 : Kecemerlangan Dan Pembangunan Sosiobudaya, Bahagian 4 : Kesepaduan Sosial Masyarakat, Bahagian 5 : Kesihatan Dan Bahagian 6 : Undang-Undang Dan Ekonomi.

Perlu difahami, dalam konteks kesepaduan sosial masyarakat majmuk Malaysia, ianya kerapkali disebut sebagai perpaduan dalam kepelbagaian atau *unity in diversity*. Professor ulung Shamsul Amri Baharuddin pernah mengungkapkan bahawa dari sudut imaginasi sosiologikal, Malaysia menikmati ‘kesepaduan sosial’ (*social cohesion*) yang bertiangserikan perundingan, tolak ansur dan persetujuan antara pelbagai kelompok sosial berbeza, biarpun setiapnya bebas untuk menyuarakan kepentingan masing-masing. Justeru itu ‘acuan Malaysia’ sebenarnya telah dibentuk oleh ‘kesepaduan dalam kepelbagaian’ (*cohesion in diversity*) dengan destinasi terakhirnya *unity in diversity* atau perpaduan nasional. Biarpun demikian, kesepaduan sosial, berdarjah tinggi yang dinikmati Malaysia tidak boleh dianggap sebagai sesuatu yang alamiah dan diambil ringan (*taken-for-granted*). Dalam kata lain, ‘perpaduan’ yang kita idamkan itu masih dalam bentuk *work-in-progress* yang tidak boleh dihitung dan dinilai dengan nombor kaku. Apa yang kita perlu lakukan secara berterusan adalah untuk memantau apa yang berlaku dalam proses *work-in-progress* ini. Memantau dari sudut makro dan mikro keadaan semasa kesepaduan sosial di Malaysia adalah suatu usaha yang pastinya remeh, rumit, ruwet dan memerlukan dana serta tenaga yang cukup besar. Mengikut profesor ulung lagi, sudah sampai masanya untuk Malaysia melihat dirinya di cermin besar dan bertanya “apakah yang perlu dilakukan segera untuk memperkuuh daya ketahanan, agar terus hidup 1000 tahun lagi?” Jawapannya ialah Malaysia memerlukan R&D (*Research & Development*) bukan sahaja dalam bidang Sains dan Teknologi (S&T), bahkan juga dalam bidang sosial, justeru R&D SOSIAL. Usaha ini memerlukan, pertamanya suatu senarai bidang teras sebagai fokus penyelidikan dan kedua, dana yang lumayan untuk beberapa lapis penyelidikan dalam setiap bidang teras itu dapat direncana-laksanakan dengan baik. Produk daripada R&D SOSIAL ini adalah dalam bentuk suatu korpus maklumat berkualiti, himpunan ilmu pengetahuan yang terperinci dan luas liputannya serta analisis serius yang mampu menelaah ‘keadaan kesihatan sosial negara’.

Justeru, buku ini adalah keperluan asas kepada kecapaian saranan di atas; iaitu senarai bidang teras sebagai fokus penyelidikan untuk beberapa lapis penyelidikan dalam setiap bidang teras itu dapat direncana-laksanakan dengan baik. Buku ini juga asasnya berupa korpus maklumat berkualiti, himpunan ilmu pengetahuan yang terperinci dan luas liputannya serta analisis serius yang mampu menelaah ‘keadaan kesihatan sosial negara’.

Bahagian 1 berupa Konsep Dalam Pembentukan Sosiobudaya Masyarakat. Di dalam bahagian 1 terkandung artikel berkaitan Maqasid Al- Syari’ah Sebagai Panduan Pengguna Muslim Dalam Menangani Cabaran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Masakini (hlm 5), ‘Amal Jama’i Pencetus Kepada Kekuatan Ummah (hlm 15) dan Analisis Konsep ‘Adalah Dan Musawah Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah (hlm 29). Jelaslah bahawa perkara konsep dalam pembentukan sosiobudaya masyarakat perlu berteraskan kepada perkara Naqli yang bersumber

kukuh iaitu al-Quran dan As-sunnah atau dari perspektif global, bersumberkan kosmologikal dan metafizikal/ketuhanan.

Bahagian 2 berupa artikel-artikel berkaitan Pembentukan Sosiobudaya Masyarakat. Terdapat lima artikel yang berbincang berkaitan aspek pembentukan ini melibatkan perkara seperti kefahaman, persejarahan, konflik, perpaduan, kepimpinan keluarga dan masyarakat serta wajah sosiobudaya. Aspek kefahaman dan persejarahan dikupas melalui artikel Fahaman Kemalisme Dalam Konstruksi Sejarah Dan Politik Moden Di Turki (hlm 47). Aspek konflik dikupas melalui artikel Konflik Peretnikan Cina – Melayu : Satu Sorotan Dalam Sejarah Malaysia (hlm 65). Aspek perpaduan pula dikupas oleh Rosfazila Abd Rahman melalui artikel bertajuk Perpaduan Dalam Kepelbagaian, Penulisan Sosiologikal : Ciri-Ciri Dan Rangka Kerja Dari Perspektif Ibnu Khaldun (hlm 81). Aspek kepimpinan kekeluargaan dan kemasyarakatan dikupas dalam artikel Kepimpinan Keibubapaan Melalui Amalan Cara Hidup Islam : Cabaran Dan Realiti Masa Kini (hlm 93) manakala aspek wajah sosiobudaya diuraikan dalam artikel Pantai Ini Lautnya Dalam: Cerminan Wajah Sosiobudaya Masyarakat Melayu Selatan Thai (hlm 103). Jelaslah bahawa bahagian 2 yang membincangkan pembentukan sosiobudaya masyarakat ini dikupas melalui kombinasi aspek kefahaman, persejarahan, konflik, perpaduan, kepimpinan keluarga dan masyarakat serta wajah sosiobudaya.

Bahagian 3 pula membincangkan aspek Kecemerlangan Dan Pembangunan Sosiobudaya. Bahagian ini mempunyai 3 artikel yang membincangkan aspek tulisan, teknologi pendidikan dan Bahasa. Aspek tulisan sebagai sumber kecemerlangan dan pembangunan sosiobudaya dikupas dalam artikel Tulisan Jawi Dan Sumbangannya Ke Atas Kecemerlangan Tamadun Melayu (hlm 119). Aspek teknologi pendidikan pula dibincangkan dalam artikel Penggunaan Teknologi Dalam Pendidikan Bahasa Arab (hlm 131) manakala aspek kebahasaan dibincangkan melalui artikel Bahasa Arab Bahasa Penyatuan Ummah Islamiyyih Di Malaysia ( hlm 141). Sangat jelas pada bahagian 3 ini mengatakan bahawa aspek-aspek penting ke arah kecapaian kecemerlangan dan pembangunan sosiobudaya adalah aspek tulisan dan penulisan, teknologi dan pendidikan serta aspek Bahasa dan kebahasaan.

Bahagian 4 membincangkan tentang Kesepaduan Sosial Masyarakat. Konsep kesepaduan adalah proses yang membina dan mengekalkan perasaan kekitaan (*sense of belonging*) dalam masyarakat dan perasaan yang meletakkan diri seseorang dalam sesuatu komuniti (Judith Maxwell 1996). Menurut Jane Jenson (1998) pula, kesepaduan sosial digunakan untuk menggambarkan proses-proses yang bukan sahaja melibatkan negara atau negeri, tetapi rasa komitmen atau tanggungjawab dan keinginan atau keupayaan untuk hidup bersama dengan harmoni.Terdapat 3 artikel yang membincangkan aspek kesepaduan sosial masyarakat dalam buku ini. Aspek yang dibincangkan ialah aspek lambang kesepaduan sosial, peranan media sosial dan nilai-nilai sosial. Artikel lambang kesepaduan menyorot Isu Pelaksanaan Cuti Umum Sebagai Lambang Kesepaduan Sosial Di Malaysia (hlm 151). Artikel Penyebaran Maklumat Palsu Di Media Sosial Dan Impaknya Ke Atas Perpaduan Ummah (hlm 161) pula mengupas isu media sosial sebagai aspek penting kesepaduan sosial masyarakat. Manakala aspek nilai-nilai sosial dikupas dalam konteks Adaptasi Nilai-Nilai Sosial Masyarakat Dalam Permainan Bola Sepak Kertas (hlm 173).

Dua bahagian terakhir iaitu bahagian 5 dan 6 membincangkan aspek kesihatan, undang-undang dan ekonomi. Aspek kesihatan sebagai antara aspek kesepaduan sosiobudaya membincangkan Kesihatan Mental Dan Kemahiran Hidup Golongan Gelandangan Di Malaysia (hlm 183) dan Hospital Mesra Ibadah: Fungsi Surau Ad Deeniah Pusat Perubatan Universiti Malaya Dalam Memasyarakatkan Masjid (hlm 191). Aspek undang-undang dan ekonomi sebagai aspek penting kesepaduan sosiobudaya memberi penekanan kepada Hak – Hak Wanita Selepas Perceraian Di Bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor (2003) (hlm 205), Pengurusan Risiko Ke Atas Keuntungan Pembiayaan Jangka Panjang (hlm 221) Dan Isu Kebebasan Beragama-Penghakiman Kes Lina Joy, Aliran Reaksi Wakil-Wakil Islam Dan Kristian: Antara Undang-Undang Atau Dialog Antara Agama (hlm 231).

Apa yang dapat dirumus daripada keenam-enam bahagian di dalam buku ini pada hemat pengulas ialah keinginan penyunting dan pemakalah yang mahu menjelaskan dan mengutarakan konsep dan isu serta spek melibatkan kesepaduan sosiobudaya dalam kepelbagaian masyarakat majmuk atau kesepaduan dalam kepelbagaian, *unity in diversity*. Kesepaduan sosiobudaya wujud dalam kepelbagaian masyarakat majmuk Malaysia khususnya. Asasnya tahap keintelektualan dalam buku ini sangat tinggi memandangkan pemakalah adalah terdiri daripada ahli akademik Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan Guru (IPG) serta individu perseorangan dari pelbagai bidang kepakaran. Secara khusus pula, pengulas melihat bahawa pengkategorian bahagian-bahagian di dalam buku ini menggambarkan bahawa terdapat 3 fasa penting di dalam mencapai kesepaduan sosiobudaya dalam kepelbagaian masyarakat majmuk. Fasa pertama yang diberi fokus pada bahagian 1 melibatkan perkara asas iaitu melibatkan perkara konsep pembentukan sosiobudaya melibatkan fokus utama kepada perkara pembentukan sosiobudaya masyarakat berteraskan perkara Naqli yang bersumber kukuh iaitu al-Quran dan As-sunnah atau dari perspektif global, bersumberkan kosmologikal dan metafizikal atau agama serta ketuhanan. Fasa kedua pula diberi fokus kepada perkara teras iaitu pada bahagian 2, 3 dan 4 yang mana melibatkan aspek kefahaman, persejarahan, konflik, perpaduan, kepimpinan dan wajah. Fasa ini juga melibatkan aspek Bahasa dan pendidikan serta lambang kesepaduan, media sosial dan nilai-nilai masyarakat sebagai aspek penting dalam mencapai kesepaduan sosial masyarakat. Manakala fasa 3 pula melibatkan perkara realiti dan cabaran kesepaduan sosiobudaya dalam kepelbagaian masyarakat majmuk yang memberi penekanan kepada isu-isu semasa berkepentingan seperti isu kesihatan, undang-undang dan perekonomian.

Susunan tema dan sub-tema perbincangan yang dimuatkan dalam buku ini dilakukan dengan sangat baik. 3 fasa dinyatakan di atas mengikut hemat pengulas jelas menggambarkan aliran dan sorotan kemas kepada perkara yang ingin diutara dan diberi kepentingan; kesepaduan sosiobudaya dalam kepelbagaian masyarakat majmuk. Buku ini menepati objektif penyusunannya dalam membincangkan secara padu aspek kesepaduan sosiobudaya dalam kepelbagaian masyarakat majmuk yang menyangkuti aspek asas, teras dan realiti serta cabaran. Kata pengatar yang disediakan oleh Profesor Dr Mansor Mohd Nor, Felo Utama, Institut Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia dan prakata yang disediakan oleh 2 orang penyunting buku ini iaitu Dr. Norfaezah Mohd Abidin dan Ustazah Hasliza Talib juga sangat baik, bertepatan dan impaktif sebagai lorongan ke arah mencapai objektif penyusunan dan penerbitan buku ini iaitu aspek-aspek penting kesepaduan sosiobudaya dalam kepelbagaian

masyarakat majmuk. Mungkin ada baiknya jika buku ini diselitkan bahagian refleksi atau rumusan di bahagian hujung susunan buku dengan memberi kesimpulan secara penegasan supaya matlamat mencapai kesepaduan sosiobudaya dalam kepelbagaiannya masyarakat majmuk lebih nyata dan terserlah. Hal yang demikian pada hemat pengulas akan memberi impak yang signifikan dalam usaha merealisasikan kesepaduan sosiobudaya ‘acuan Malaysia’ yang dibentuk oleh ‘kesepaduan dalam kepelbagaiannya’ (*cohesion in diversity*) dengan destinasi terakhirnya ialah *unity in diversity* atau perpaduan nasional. Mungkin juga boleh diwujudkan satu formula Fasa Kesepaduan Sosiobudaya Dalam Kepelbagaiannya Masyarakat Majmuk yang dapat menonjolkan lagi hasil penyusunan buku ini. Justeru kesepaduan sosial, berdarjah tinggi bukan hanya dapat dinikmati di Malaysia malah dapat dinikmati oleh masyarakat dunia sejagat.

Daripada sudut persempahan buku ini seperti tajuk buku, bab atau tajuk, indeks, glosari, kata singkatan, dan sebagainya didapati telah dilakukan dengan baik. Namun adalah dicadangkan agar kulit depan buku ini yang menggunakan ilustrasi/imej sebuah bangunan (masjid)/benda/fizikal boleh digantikan menggunakan unsur/imej/ilustrasi manusia memandangkan manusia adalah unit asas sesebuah masyarakat dan aspek sosiobudaya adalah aspek sosiologikal dan bukanlah fizikal semata-mata. Kekuatan buku ini terletak kepada persempahan dan pengkategorian bahagian serta kekuatan intelek artikel-artikel di dalamnya. Kelemahan kecil hanya terdapat kepada perkara-perkara teknikal seperti ejaan dan tatabahasa yang lebih bersifat relatif dengan gaya penulisan artikel pemakalah yang terdapat pada buku tersebut.

**Rosfazila Binti Abd Rahman**

Pensyarah Kanan

Jabatan Kenegaraan & Pengajian Ketamadunan

Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)